

*PENILAIAN Tahap Kecekapan (PTK) merupakan kaedah berorientasikan peperiksaan yang diperkenalkan untuk kenaikan pangkat seseorang penjawat awam. Namun begitu terdapat kelemahan yang lebih banyak berbanding kebaikan yang diperolehi daripadanya seperti:*

#### *Menafikan pengalaman*

*Bagi mereka yang telah berkhidmat sebegitu lama (melebihi 10 tahun), aset pengalaman mereka dinafikan kerana praktikaliti kerja lapangan mereka biasanya tidak terdapat dalam kandungan peperiksaan yang hanya dominan dengan ilmu teori sahaja.*

#### *Melemahkan sistem kekananan (senioriti)*

*Kakitangan awam yang baru dilantik yang terdiri daripada kalangan graduan baru keluar IPT mempunyai kelebihan kerana masih "dekat" dengan ilmu teori hasil daripada proses pembelajaran semasa di IPT menyebabkan mereka lebih mudah mencerna ilmu teori dalam buku panduan untuk peperiksaan PTK berbanding kakitangan awam lama yang telah jauh daripada "budaya buku" kerana tuntutan tugas khusus atau lapangan.*

#### *Menghilangkan rasa hormat antara kakitangan*

*Apabila kakitangan yang baru memasuki perkhidmatan tetapi telah lulus kesemua PTK ada terdapat kemungkinan untuknya menjadi ketua atau pegawai atasan kepada pegawai lama.*

*Keadaan ini sedikit sebanyak akan menjarakkan hubungan kerana kakitangan yang mentah pengalaman boleh mengarah kakitangan yang lebih senior (yang tidak lulus PTK) daripadanya. Kakitangan senior juga pasti akan merasa terkilan jika bekas pegawainya bertukar menjadi pengarahnya hanya kerana PTK.*

#### *Skim Pegawai Tadbir dan Diplomatik*

*Bagi mereka yang terpilih memasuki skim ini merupakan mereka yang paling bertuah di Malaysia. Ini kerana setelah mengharungi kursus selama lebih kurang enam bulan di INTAN maka mereka mendapat kenaikan dari gred 41 ke 48 dalam jangka masa tidak melebihi enam tahun bekerja, malahan tanpa perlu mengambil PTK pun!*

*Mari kita bayangkan seorang pegawai PTD yang berumur tidak melebihi 30 tahun menjawat gred 48, menjadi ketua kepada pegawainya yang telah berumur 40 tahun ke atas.*

*Di sini soalnya juga kenapa hanya 'pegawai elit' PTD sahaja yang naik pangkat sebegitu cepat (tanpa pengalaman yang cukup luas).*

*Jika difikirkan lebih baik untuk anda belajar sekadar sahaja dan jika bertuah dapat menjadi PTD berbanding anda bertungkus lumus belajar untuk menjadi doktor kerana anda akan berada 'di bawah' PTD juga akhirnya.*

*PTK memang perlu dirombak bagi menghapuskan elemen peperiksaan sebaliknya diganti dengan proses kursus pengembangan kerjaya yang merangkumi seminar dan latihan ke arah melahirkan dan melengkapkan pegawai dengan ilmu kemahiran semasa.*

*Melucukan apabila difikirkan bahawa terdapat pemikir-pemikir di negara ini hanya melihat peperiksaan adalah segalanya. Daripada zaman persekolahan sehinggalah zaman pekerjaan tidak habis-habis dengan peperiksaan.*

*Nasib baiklah untuk pencen tidak dikenakan peperiksaan! Lihatlah bagaimana pihak swasta membuat proses penilaian kepada kakitangan mereka tanpa perlu melemahkan motivasi dan semangat pekerjaannya melalui peperiksaan.*

*Kondisi ini juga barangkali telah mula disedari oleh Kementerian Pelajaran yang mana tidak lagi terlalu fokus kepada orientasi peperiksaan sebaliknya mula melihat kepada cabang kreativiti pelajar sebagai elemen pembelajaran. Syabas kepada Kementerian Pelajaran.*

*Semoga isu PTK yang dibawa ke Parlimen mampu memberikan keputusan yang baik untuk semua pihak terutamanya kepada lebih kurang 1.2 juta penjawat awam yang sentiasa menyokong CEUPACS.*

*Janganlah keputusan isu ini hanya memberikan keputusan baik kepada segelintir sahaja dalam perkhidmatan awam.*

*Jika dilihat di dada akhbar kebelakangan ini terdapat beberapa persatuan pekerja awam yang menyokong saranan CEUPACS dan saya percaya banyak lagi persatuan yang akan tampil untuk bersama CEUPACS dalam menangani 'kesilapan' yang terhasil daripada permulaan pengenalan PTK lagi.*

*PEMERHATI SETIA*

*Selangor*